



Modal RM450 ubah hidup dua sahabat

Oleh BAZLI ABDUL RAHMAN
Gambar NASIRRUDDIN YAZID

SEPAKAT membawa berkat. Berbekalkan slogan itulah yang mendorong dua sahabat berkongsi modal RM450 untuk memulakan perniagaan makanan tambahan di Kuala Lumpur?

Mereka ialah Mohamad Nasir Abdul Kadir, 30, dan Khairul Anam Muhammad Azizi, 19.

Untuk memulakan perniagaan sejak tahun 2006, Mohamad Nasir mengeluarkan modal RM225 begitulah juga dengan Khairul Anam turut menyumbang jumlah yang sama.

Dengan modal RM450 itu, mereka menjadi ejen untuk memasarkan makanan dan minuman tambahan, Alpha Lipid Life Line.

Mohamad Nasir memberitahu, Alpha Lipid Life Line adalah produk ulung diperbuat daripada kolostrum New Zealand yang paling tinggi mutunya dan disaluti molekul Alpha Lipid.

Katanya, minuman itu mengandungi pelbagai komponen bioaktif yang telah menunjukkan kesan positif termasuk memusnahkan bakteria berpenyakit di usus, melindungi hati, meningkatkan fungsi ingatan otak dan mengurangkan gejala kemurungan.

"Hasil kerja siang malam kami, ternyata produk ini mudah mendapat pasaran kerana ia telah dikenali ramai.

"Disebabkan pasaran yang baik, kami

telah mengembangkan pasaran bukan sahaja di Lembah Klang, tetapi kian membesar di Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Kelantan, Pulau Pinang dan Johor," ujarnya.

Setelah berjaya mengembangkan perniagaan secara jualan langsung, sehingga kini Mohamad Nasir dan Khairul Anam berjaya memasarkan minuman itu melebihi 100 tin sebulan. Harga minuman itu RM150 satu tin.

"Berdasarkan permintaan semasa, kami menyasarkan boleh mencatatkan jualan melebihi 10,000 tin sepanjang tahun 2007," ujarnya.

Bagi kemudahan pelanggan, mereka menyediakan talian pelanggan iaitu 012-6715095 (Mohamad Nasir) dan 012-6942861 (Khairul Anam).

Khairul Anam pula memberitahu, beliau mahu menjadikan perniagaan itu sebagai pekerjaan tetap menjelang hari tuanya.

"Ketika usia masih muda inilah saya mahu membina bidang perniagaan yang besar. Walaupun hanya berniaga kecil-kecilan sebagai jurujual, namun apa yang penting ialah pendapatan lumayan secara jangka panjang," ujarnya.

Khairul Anam menyatakan, Alpha Lipid mendapat perhatian ramai ibu bapa kerana mereka mahu memberikan susu tersebut kepada anak-anak untuk kecerdasan fikiran.

"Minuman itu terbukti boleh meningkatkan kecerdasan fikiran murid-murid sekolah dan ia boleh mengelakkan mereka letih di dalam bilik darjah," ujarnya.



MOHAMAD Nasir Abdul Kadir (kiri) dan Khairul Anam Muhammad Azizi berbincang mengenai produk yang dipasarkan oleh mereka.

"Ketika usia masih muda inilah saya mahu membina bidang perniagaan yang besar. Walaupun hanya berniaga kecil-kecilan sebagai jurujual, namun apa yang penting ialah pendapatan lumayan secara jangka panjang."

Untuk maklumat lanjut sila lawati www.alphalipid.net atau hubungi Sham 013-9203194, Najibah 012-9661027 (Kota Bharu), Muhamad Faizal 013-9790638, Biey 012-9634845 (Kuala Lumpur)